

Mencorak masa depan, tingkatkan kesedaran toksikologi

Utusan Borneo (Sabah) · 20 Dec 2024

PROGRAM 'Exploring Toxicology 2.0: Navigating Health and Environment' melakar sejarah tersendiri apabila berjaya membawa dunia toksikologi ke dalam kelas di Sekolah Kebangsaan (SK) Pekan Kuala Penyu, baru-baru ini.



Dijalankan selama dua hari dengan pendekatan interaktif dan menyeronokkan, program itu membuka pintu ilmu kepada 132 murid sekolah rendah, sambil memupuk kesedaran tentang kepentingan keselamatan bahan kimia dalam kehidupan seharian.

Dianjurkan oleh OneHealth Student Club, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama Malaysian Society of Toxicology (MySOT) dan Uscience UMS, program ini turut mendapat sokongan padu daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah (KSTI).

Gabungan sains, kreativiti dan interaktiviti menjadi formula kejayaan yang membawa pengalaman pembelajaran unik kepada murid-murid.

Pelbagai modul interaktif dirancang dengan rapi untuk memastikan setiap murid terlibat secara aktif.

Modul seperti 'Apa Itu Toksikologi?' memperkenalkan konsep asas toksikologi melalui permainan, menjadikan pembelajaran lebih mudah difahami.

Modul 'Konsep One Health Melalui Seni' pula memberi ruang kepada murid meluahkan idea mereka tentang kesihatan dan alam sekitar melalui lukisan poster.

Turut mencuri tumpuan ialah modul 'Jom Kenali Simbol Bahaya' dan 'Jom Guna Bahan Kimia Dengan Selamat', yang menggunakan eksperimen praktikal bagi membantu murid memahami penggunaan bahan kimia secara selamat.

Sebagai kemuncak, pelancaran modul baharu 'Dunia Toksikologi: Waspada Bahan Racun dan Kesannya' menjadi platform penting dalam memperkukuhkan pemahaman murid tentang bahaya bahan toksik dalam kehidupan harian.

Majlis penutupan program diwarnai oleh kehadiran pelbagai pihak penting, termasuk Pegawai Pendidikan Daerah, Dr. Suntik Tuin, wakil KSTI, Siti Zubaidah Dassim dan Presiden MySOT, Dr. Rozaini Binti Abdullah.

Turut hadir Timbalan Presiden MySOT, Prof Madya Ts. Dr. Razinah Sharif, Guru Besar SK Pekan Kuala Penyu, Mahadi Ismail dan pengarah program, Nuriqmal Hafidz Zambri.

Kehadiran mereka bukan sahaja menunjukkan komitmen terhadap pendidikan murid-murid pedalaman, tetapi juga menekankan kepentingan kolaborasi antara institusi pendidikan, badan

profesional dan komuniti tempatan dalam mendidik generasi muda.

Dengan penyertaan 65 murid Tahap 2 pada hari pertama dan 67 murid Tahap 1 pada hari kedua, program ini berjaya mencipta pengalaman bermakna.

Sambutan positif daripada komuniti tempatan membuktikan bahawa inisiatif seperti ini amat relevan, terutama bagi kawasan pedalaman.

Presiden MySOT, Dr. Rozaini Abdullah, menyatakan hasratnya untuk menjadikan program ini sebagai acara tahunan dengan harapan dapat memperluaskan jangkauan dan impaknya kepada lebih ramai pelajar di kawasan luar bandar.

Menurut penganjur, selain memperkenalkan asas toksikologi, program itu juga bertujuan menyemai rasa tanggungjawab terhadap keselamatan penggunaan bahan kimia dan kesannya kepada alam sekitar.

Dalam masa yang sama, ia menjadi pendorong kepada murid mempertimbangkan toksikologi sebagai kerjaya masa depan yang berpotensi besar.

Dengan pendekatan kreatif dan berfokus kepada pendidikan awal, “Exploring Toxicology 2.0” membuktikan bahawa ilmu toksikologi bukan sahaja untuk golongan akademik, tetapi juga penting untuk generasi muda dalam membentuk masa depan yang lebih selamat dan lestari.